

Artikel Asli

Potensi Ancaman Kebangkitan Kuasa Ekonomi Dan Ketenteraan China Dalam Rantau Asia Pasifik

Intan Suria Hamzah¹, Sity Daud¹,

¹*Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.*

Progres Artikel

Diterima: 16 Jun 2016

Disemak: 25 Jun 2016

Diterbit: 1 Julai 2016

*Corresponding Author: Intan Suria Hamzah, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM Bangi. Email: intansuria.hamzah@gmail.com

Abstract: Since a long time ago international scholars have predicted that China will rise-up as a major power in the international political economy. Base on potential of China to rise-up as number two world power, this article will discuss the forms of potential threat of China through economy and military that could threat the security of Asia Pacific region. The main objective of this study is to elaborate the factors of the rise of China as new power of world economy and to identify potential threat of China's military towards security of Asia Pacific region. Using content analysis approach, this study uses the concept of human security and security dilemma. The results showed that China indeed has managed to become a big power in the world economy after joining WTO. However, in the present, international political economy showed that China is not completely affects the international order through its military. China is seen working hard to collaborate with its neighbors in Asia Pacific and United States in economic relations.

Keywords: *Rise of China, big power, economic threat, security threat, regional relations.*

Abstrak: Sejak dahulu lagi para sarjana antarabangsa telah meramalkan China akan bangkit sebagai salah satu kuasa besar dalam ekonomi politik antarabangsa. Berdasarkan potensi China untuk bangkit sebagai kuasa nombor dua dunia, kertas kerja ini akan membincangkan bentuk-bentuk potensi ancaman China melalui ekonomi dan ketenteraan yang boleh mengancam keselamatan rantau Asia Pasifik. Objektif utama kajian ini ialah mengkaji faktor-faktor kebangkitan China sebagai kuasa baru ekonomi dunia dan mengenalpasti potensi ancaman ketenteraan China terhadap keselamatan rantau Asia Pasifik. Kajian ini menggunakan konsep keselamatan insan dan dilema keselamatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa China sememangnya telah berjaya menjadi kuasa besar dalam ekonomi dunia selepas menganggotai WTO. Namun begitu, dalam perkembangan ekonomi politik antarabangsa masa kini menunjukkan China tidak menggugat sepenuhnya order antarabangsa yang sedia ada melalui ketenteraannya. China dilihat telah berusaha gigih menjalinkan kerjasama berteraskan semangat kejiranan dan hubungan ekonomi yang mapan dengan negara rantau Asia Pasifik dan Amerika Syarikat.

Kata Kunci: *Kebangkitan China, kuasa besar, ancaman ekonomi, ancaman keselamatan, hubungan serantau.*

Pengenalan

Kebangkitan China dengan pertumbuhan ekonomi *double digit* sejak dua dekad lalu mampu menjadi sebuah kuasa ekonomi yang mendominasi pengeluaran dan pasaran di rantau Asia Pasifik. Gabungan kekuatan ekonomi China dan Jepun sudah cukup mampu untuk mengetepikan pengeluar dan pasaran negara dari rantau lain di Asia Pasifik. Dengan kata lain, ia akan menjejaskan dominasi perdagangan Amerika Syarikat di rantau ini dalam jangka panjang. Sekiranya perluasan ekonomi China terus berlaku maka akan membahayakan prospek ekonomi bagi ASEAN kerana alihan aliran Langsung Pelaburan Asing (FDI) beralih ke China berlaku secara besar-besaran (Ravenhil 2006: 653-654).

Negara-negara ASEAN misalnya berada di bawah tekanan kompetitif yang kuat. Salah satu pertunjuk pergeseran antara ASEAN dan China adalah pelaburan dalam industri perkilangan, dimana FDI telah beralih ke China dan negara-negara di Asia Tenggara perlu berusaha dua kali ganda untuk menarik kembali pelaburan asing yang hilang. Justeru, kebimbangan China melampaui persaingan dalam FDI membelenggu negara-negara ASEAN. Kos pembuatan di China yang jauh lebih murah dianggap memberi ancaman khusus kepada eksport ASEAN untuk pasaran industri.

Metodologi

Penyelidikan dilakukan untuk memberi jawapan kepada sesuatu perkara atau fenomena yang telah, sedang, atau belum berlaku (Chua 2006: 3). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mendapatkan data dan maklumat. Kajian ini menggunakan strategi data tersedia daripada buku, jurnal dan data atas talian berkaitan ekonomi dan politik China seperti laporan dan data statistik yang diperolehi daripada *IMF*, *World Bank*, *US Department of State*, *WTO* dan *CIA*.

Keputusan & Perbincangan

Sejak krisis 1997, negara-negara Asia mengalami penurunan dalam pasaran eksport kecuali China menunjukkan peningkatan pada kadar yang tinggi iaitu 20 %. Kesan secara spesifiknya dilihat berdasarkan kedudukan persaingan antara China dengan ASEAN-5 dalam pasaran AS. Kuantiti eksport ke AS merupakan kategori utama yang digunakan bagi menjelaskan persaingan ini. Eksport negara ASEAN ke AS sejak pertengahan 1990an tidak menunjukkan kadar pertumbuhan yang tinggi berbanding dengan China yang mencecah kadar pertumbuhan sehingga dua angka. Faktor utama yang menjejaskan eksport negara ASEAN

ke AS adalah disebabkan persaingan daripada negara China. Kajian yang dijalankan oleh Liu & Lou (2004) mengesahkan berlaku persaingan ekonomi antara negara ASEAN seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand dengan China dalam menjadi tempat pemprosesan bagi barangan dan keluaran utama pasaran dunia. Manakala persaingan antara China dengan Singapura pula kebiasaannya berlaku dalam sektor pembuatan.

Selain itu, berlaku juga persaingan dalam menarik jumlah kemasukan FDI dari negara-negara maju seperti Eropah, Britain Australia dan Belanda. Aliran FDI telah mengalami pengaliran masuk dari Asia Tenggara ke China. Aliran FDI mengalami perubahan ketara apabila hampir 70 % FDI telah mengalir ke China yang mana sebelum ini ianya mengalir ke Asia Tenggara. Persaingan di antara China dan ASEAN dalam menarik kemasukan FDI menjadi semakin teruk apabila perkongsian antara negara ASEAN menurun kepada 15 % berbanding dengan FDI yang mengalir ke China meningkat kepada 85 % pada tahun 2003 (Kui 2007: 12). Chen & Ku (2003), membahaskan bahawa persaingan dalam FDI boleh timbul pada bila-bila masa dan bagi negara yang mempunyai persekitaran ekonomi yang kurang kompetitif akan berada dalam keadaan bahaya dan terancam.

Disebabkan China mempunyai tenaga buruh yang ramai dan murah, memiliki tenaga pakar sendiri serta keadaan geografi yang luas maka China berjaya membuatkan negaranya sebagai lokasi strategik kepada negara-negara pelabur asing untuk melabur ke dalam negara (Shenkar 2006). Insentif dan pengurangan tarif yang ditawarkan oleh China mendapat sambutan pelabur asing untuk membuat kerjasama dengan China dalam tempoh masa panjang seperti syarikat automotif BMW & Honda, syarikat elektrik dan elektronik Sony, syarikat berasaskan *medium technology product*, syarikat pakaian jenama dunia seperti Nike dan Adidas. China juga telah berjaya menjadi negara pembekal utama mainan kanak-kanak kepada syarikat McDonald untuk pasaran seluruh dunia. Keadaan ini akan menghasilkan produk *made in China* pada setiap barangan kegunaan manusia dan isi rumah.

Menurut Shenkar (2006), Liu (2004) & Enderwick (2007), penyertaan China ke dalam WTO pada tahun 2001 adalah faktor utama bermulanya kejayaan China menguasai pasaran ASEAN dan global kerana berlaku liberalisasi ekonomi dan perdagangan yang lebih meluas. Keadaan ini akan mengancam ekonomi tempatan sekiranya negara-negara ASEAN tidak berwaspada kerana barangan China bersaing secara kompetitif dengan harga yang paling murah, mampu melumpuhkan industri barangan tempatan. Walaupun kemasukan China ke WTO memberi banyak peluang kepada ASEAN dan negara sekitarnya, namun ia turut memberi ancaman ekonomi kepada negara serantau

kerana China berjaya meluaskan pengaruh politik dan mengukuhkan kuasa ekonomi yang kuat serta mampu mempengaruhi sesuatu keputusan negara lain. Contohnya, perjanjian serantau ASEAN dan kerjasama ekonomi seperti ACFTA memainkan peranan besar China bersama negara-negara anggota ASEAN.

Kemasukan China ke *World Trade Organization* (WTO) juga dikaitkan dengan liberalisasi perdagangan. Situasi ini menandakan bermulanya satu keadaan keterbukaan dan kelonggaran dalam aktiviti perdagangan yang bakal diperolehi China dan seterusnya turut memberi kesan kepada Asia Tenggara. Keahlian China dalam WTO dianggap sebagai satu 'grand event' dalam ekonomi global pada permulaan abad ke-2. Ini kerana kemasukan China akan membuka lebih banyak peluang dan cabaran terhadap hubungan perdagangan China dengan negara serantau (Kurlantzick 2002). WTO akan meningkatkan lagi darjah keterbukaan ekonomi China, lantas mempercepatkan perubahan dalam struktur ekonomi China dan global. Namun begitu, perusahaan di China akan berhadapan dengan persaingan sengit dari segi kadar pertumbuhan import yang mendadak ekoran daripada permintaan dunia. Kemasukan China ke WTO juga akan menjadikan China sebagai kuasa pemacu dalam pertumbuhan ekonomi negara-negara lingkaran Asia Pasifik. Peluang pasaran bagi negara-negara serantau akan tercipta melalui liberalisasi dan penstrukturan semula industri China (*ASEAN-China Expert Group on Economic Cooperation Report* 2001).

China mempunyai potensi untuk menjadi satu kuasa besar dalam ekonomi dan politik global pada masa akan datang. Namun begitu, pendekatan China amat berbeza dengan cara Amerika Syarikat dalam meluaskan pengaruhnya. China sememangnya ingin menjadi negara paling berkuasa di dunia. Maka sebab itu China membuat banyak perikatan dan kerjasama dalam ekonomi, politik dan keselamatan contohnya menjalinkan kerjasama ekonomi dengan ASEAN, menjadi ahli pertubuhan IMF dan ahli Majlis Keselamatan PBB. Asia Tenggara sememangnya rantau yang diberi perhatian oleh China untuk menyebarkan pengaruhnya bagi menyaingi kuasa dan pengaruh Amerika di Asia Tenggara. China banyak membantu negara-negara Asia Tenggara kearah kestabilan dengan membangunkan hubungan konstruktif. Selain itu, China sentiasa cuba memperlihatkan kebaikan negaranya kepada masyarakat dan dunia bahawa kebangkitannya adalah secara aman. Kebangkitan China juga banyak dibantu oleh negara-negara Asia Tenggara dengan menjadi lokasi pasaran dan pembuatan bagi barangan keluaran negaranya.

Kini kebangkitan kuasa ekonomi China menjadi kebimbangan dan ancaman kepada Asia Pasifik. Di Asia Tenggara misalnya, terdapat banyak lambakan barangan

buatan China dalam pasaran domestik. Keadaan ini menjadi masalah kepada peniaga-peniaga tempatan untuk bersaing dengan barangan buatan China atau *China Brands* dalam menjual barangan tempatan. Menurut Octavio (2011), salah satu ancaman ekonomi Asia Tenggara kini adalah kuasa ekonomi China yang menguasai pasaran tempatan. Keadaan ini berlaku disebabkan perjanjian integrasi ekonomi ASEAN-China iaitu *Asean-China Free Trade Area* (ACFTA). Menerusi perjanjian ACFTA, negara-negara anggota ASEAN perlu mengurangkan tarif yang dikenakan pada lebih daripada 90% barangan import dan penghapusan tarif terhadap beberapa produk penting. Kadar tarif purata dikenakan terhadap barangan buatan China yang dijual di negara-negara ASEAN turun dari 12.8% kepada 0.6% berkuatkuasa pada 1 Januari 2010 dan diterima pakai oleh enam negara anggota ASEAN iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Ketika menantikan pelaksanaan kawasan perdagangan bebas oleh negara-negara anggota ASEAN yang lain, kadar tarif purata bagi barangan ASEAN yang dijual di China pula telah di turunkan dari 9.8% kepada 0.1%, perjanjian ini telah menyebabkan berlaku liberalisasi ekonomi dan produk dengan penghapusan terhadap halangan tarif.

Menurut Octavio (2010), negara Indonesia menghadapi masalah lambakan barangan yang paling banyak diantara negara-negara ASEAN. Kebanyakan peniaga tempatan di daerah Jawa dan Jakarta menyatakan bahawa produk barangan China ini mengancam ekonomi dan barangan tempatan kerana harga barangan China jauh lebih murah. Contohnya, untuk harga sepasang kasut buatan Indonesia dengan harga yang sama, pengguna boleh mendapatkan lima pasang kasut hasil buatan China. Demikian itu, peniaga lokal mengakui ACFTA perlu dimansuhkan bagi menaikkan semula perniagaan dan industri lokal terutamanya industri tekstil dan pakaian supaya dapat terus berkembang maju. Sekiranya barangan China terus masuk untuk tempoh jangka masa panjang dengan kuantiti yang banyak dan murah, maka industri pembuatan lokal akan terancam atau mufliis.

Ekonomi China dan Amerika Syarikat adalah dua kuasa pesaing yang sangat kuat dan berpengaruh di Asia Tenggara. Asia Tenggara di jadikan tempat pembangunan baru bagi industri pembuatan dan urbanisasi abad ke-21 ini. Malaysia, Singapura dan Thailand mempunyai hubungan erat dengan China terutamanya dalam kerjasama ekonomi serantau. Namun begitu, Indonesia dilihat agak bermasalah dengan China sejak era pemerintahan Suharto dan pengalaman sejarah lalu membuatkan negara tersebut tidak begitu erat dengan China. Berbeza dengan negara Malaysia, Singapura dan Thailand mempunyai hubungan baik dengan China dan dilihat bersedia serta mampu untuk

menghadapi persaingan ekonomi China berbanding negara Indonesia.

Walaupun kebanyakan negara-negara di Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand mempunyai akta lambakan yang digunakan untuk menjaga pasaran dan keselamatan pengguna namun akta ini dilihat tidak dijalankan secara menyeluruh dan kurang berkesan dalam menangani masalah lambakan barangan dari China. Keadaan ini terbukti apabila negara Malaysia, Indonesia dan Thailand serta negara-negara lain masih lagi terus dibanjiri dengan lambakan barangan China yang tidak terkawal seperti mainan kanak-kanak, barangan plastik, kasut, pakaian, telefon bimbit, produk makanan dan sebagainya. Lazimnya barangan ini tidak memenuhi spesifikasi keselamatan pengguna mahupun piawaian antarabangsa dan ianya datang dalam kuantiti yang banyak. Dalam situasi ini, peranan kerajaan China sangat diperlukan supaya menjalankan tanggungjawab sewajarnya dengan memantau kualiti barangan yang akan dieksport serta memastikan pengeksportan dilakukan mengikut saluran dan prosedur yang sah bagi menjamin keselamatan pengguna. China pernah menggegarkan dunia dengan kejadian skandal susu beracun tahun 2008 ekoran berlakunya gejala rasuah dalam kalangan pegawai kualiti penapisan makanan.

Kemajuan sektor ekonomi sesebuah negara memainkan peranan penting dalam membentuk atau menentukan dasar pertahanan dan dasar luar sesebuah negara. Ini kerana kemampuan (*capacity*) dan keupayaan (*capability*) boleh dimainkan oleh sektor ekonomi itu sendiri sama ada dari segi sumbangan kualitatif dan kuantitatif terhadap pembentukan kedua-dua dasar di atas. Kemampuan dan keupayaan sektor ekonomi ini meresap masuk ke dalam sektor keselamatan, ketenteraan, politik dan sosial yang seterusnya membuktikan kepentingan sektor ekonomi sebagai faktor paling penting dalam sesebuah negara. Ekonomi berperanan penting dalam pembentukan dasar pertahanan dan dasar luar negara kerana wujudnya hubungan saling kebergantungan antara negara. Pertumbuhan ekonomi yang pesat lazimnya akan membawa kepada pembangunan di pelbagai sektor.

Kebanyakan negara memperuntukkan belanjawan antara 1% hingga 30% daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk tujuan pembangunan ketenteraan demi mengekalkan keselamatan dalaman dan luaran negara. Perbelanjaan ini juga digunakan untuk tujuan cegah rintang atau menangani jenayah, pemberontakan, pemisahan, revolusi dan kudeta. China memperuntukkan belanjawan besar terhadap ketenteraan negara bagi membiayai gaji bilangan tentera yang sentiasa meningkat, kos latihan ketenteraan, penyelenggaraan peralatan dan kemudahan, sokongan operasi baru, R&D, membeli senjata dan alat

gantian baru serta kenderaan perang. Dianggarkan pada tahun 2010, China telah memperuntukkan sekitar US\$ 100 bilion untuk belanjawan pertahanan negara. Keadaan ini meletakkan China sebagai negara kedua terbesar dunia yang mengeluarkan biaya besar untuk ketenteraan selepas Amerika Syarikat iaitu kenaikan sekitar 8% dari tahun 2009 (US\$ 88 bilion). Angka ini bermakna pada tahun 2010 China telah mengeluarkan sekitar 1.4% daripada pendapatan KDNK negara untuk ketenteraan. Demikian itu, China dalam menyampaikan laporan kewangan ketenteraan negaranya tahun 2010 telah mengemukakan belanjawan ketenteraan pada tahun 2011 adalah melebihi 12.7% daripada belanjawan tahun 2010 iaitu bersamaan US\$ 110. (*Annual Military Report 2010*). Keadaan ini menunjukkan China sememangnya ingin menjadi kuasa besar dalam ketenteraan dan mempersiapkan diri dengan kekuatan dalaman.

Pertumbuhan ekonomi akan dikaitkan dengan pertambahan KDNK dalam negara. KDNK pula akan membekalkan sumber kewangan untuk menjana proses pembangunan dan pemodenan ketenteraan (*Annual Military Report 2008*). Maka timbal balasnya ialah melalui pengukuhan dan pemodenan ketenteraan yang menyumbang kepada kestabilan negara, menjamin keselamatan nasional dan kelangsungan pertumbuhan ekonomi. Kekuatan ketenteraan menerusi pemilikan senjata dan kelengkapan perang akan membantu China untuk mengukuh kedudukan di peringkat global serta bersiap sedia untuk menghadapi cabaran dan ancaman mendatang terhadap negaranya. Holsti (1995: 85), menyatakan bentuk-bentuk ancaman yang ditimbulkan oleh China boleh diklasifikasikan seperti berikut, ancaman langsung kepada kehidupan rakyat dan aktiviti-aktiviti mereka, ancaman integriti sempadan, mengancam cara hidup sesebuah negara, atau mengancam kebebasan dan kemerdekaan negara atau institusi. Seringkali fenomena yang dapat dilihat ialah aktor negara akan membelanjakan sejumlah wang yang banyak terhadap peruntukan pertahanan negara sewaktu menghadapi sesuatu ancaman keselamatan sama ada ancaman dalaman atau luaran.

Ancaman Keupayaan Ketenteraan China

Barry Buzan (1998) dan Holsti (1995) membuat pembahagian penting antara *threats* (*ancaman*) and *vulnerabilities* (*kerapuhan*). Kerapuhan banyak disumbangkan oleh faktor geografi seperti laluan pergunungan, laluan air yang sempit, koridor pengangkutan utama dan sebagainya. Salah satu cara mengurangkan kerapuhan ini atau menghapuskan ancaman adalah dengan meningkatkan kekuasaan ketenteraan, bukan hanya untuk meningkat keupayaan sendiri tetapi juga sebagai bantuan kepada negara-negara lain. Apabila dua atau lebih pihak berkongsi ancaman keselamatan yang dipersepsikan sama, mereka akan

terlibat dengan pelbagai kerjasama ketenteraan seperti nasihat teknikal, jaminan senjata, pertukaran maklumat sehingga kepada satu bentuk kerjasama yang lebih kukuh iaitu kesatuan rasmi (*formal alliance*).

Keupayaan China dalam teknologi nuklear tidak dapat dipertikaikan lagi memang menjadi suatu ancaman keselamatan kepada rantau Asia Pasifik. China bukan sahaja mampu membina dan memiliki nuklear malah turut menjual teknologi ini kepada negara-negara lain. China merupakan pembekal utama teknologi nuklear dan misil (peralatan perang) kepada negara Pakistan, Asia dan Afrika (Shambaugh 1997: 39). Kebangkitan kuasa China dalam rantau Asia Pasifik merupakan ancaman keselamatan kepada negara Jepun, Korea Selatan, Taiwan serta Amerika Syarikat, dalam usaha mengimbangi kekuatan China yang kian meningkat dalam ekonomi dan ketenteraan. Menurut Brown (1996), berdasarkan kepada kebangkitan kuasa China dalam ketenteraan, ianya akan cenderung mengundang konflik dan China akan mengancam keselamatan negara Asia Timur terutamanya Taiwan dengan menggunakan struktur kuasa untuk membuat transformasi meliputi aspek ekonomi, politik dan ketenteraan.

Namun berbeza dengan pandangan Kristof (1998), menegaskan bahawa China sedang menuju ke arah negara ekonomi maju maka sebab itu China mula mempersiapkan negaranya dengan segala bentuk kekuatan dalaman meliputi ekonomi, politik dan keselamatan. Justeru kebangkitannya bukanlah bertujuan untuk menggugat kuasa lain atau ingin berperang. Hal ini merupakan keutamaan bagi negara China untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara terutamanya dalam isu antara negara China dan Taiwan serta mewujudkan keadaan yang selamat bagi menarik pelabur asing datang ke negaranya. Walaupun China sentiasa menegaskan bahawa kebangkitan kuasa ketenteraannya adalah bertujuan mempertahankan diri daripada ancaman kuasa-kuasa luar namun kebangkitan kuasa ketenteraan China kini terserlah melalui perdagangan senjata, pembangunan nuklear dan eksport senjata yang kian meningkat. Contohnya kemajuan China dalam menghasilkan kelengkapan, senjata dan kenderaan perang telah menggugat monopoli pasaran Russia yang sekian lama menguasai pasaran senjata antarabangsa.

China menuntut Russia supaya menjual teknologi senjata dalam *platform* pertahanan dan senjata canggih kepada China. Moscow enggan melakukan kerana penjualan senjata dan komponennya akan berisiko tinggi. Rusia bimbang China akan memanfaatkan teknologi tersebut dengan merekayasa dan meniru semula alat atau senjata tersebut, kemudiannya menjual ke pasaran Asia dengan harga jauh lebih rendah. Hal ini mengancam pasaran jualan senjata negara Russia yang telah sekian lama berada dalam sektor pembekal senjata

dunia. Sebagai contoh, pada tahun 2006, Rusia menolak untuk menjual teknologi tertentu dan terpilih yang sensitif ke China. Ini bagi mengekalkan penciptaan dan mengelak peniruan oleh negara China.

Menurut laporan *US Department of State* (2010), Russia kini sentiasa peka terhadap sikap China yang sering meniru sesuatu produk negara lain dan menjualnya dengan harga murah di kebanyakan negara Afrika dan Amerika Latin serta Asia Tenggara seperti Indonesia dan Thailand. Contohnya, pesawat J-11B dan *fighter* J-15 buatan China yang jelas meniru produk pesawat tempur Russia yakni Sukhoi SU-27 dan SU-33. Pasaran senjata Russia di peringkat global semakin menurun terutamanya terhadap pembelian senjata dan kenderaan peperangan udara dan laut dari Russia. Kemampuan China meniru barangan-barangan import semakin meningkat dan keadaan ini merisaukan Russia terhadap hasil buatan negaranya (Heaton 1999). Sehingga tahun 2010, Russia mengakui bahawa sikap China ini masih berlanjutan terutamanya dalam industri pegashasilan senjata (<http://weapons.technology>). Akibatnya kedua-dua belah pihak memiliki alasan untuk melambatkan urusan pembelian dan penjualan senjata antara satu sama lain. Pada tahun 2009 dan 2010, China dilaporkan mengurangi pesanan besar senjata dari Russia kerana sudah mampu dan berjaya menghasilkan sendiri pelbagai jenis pesawat tempur untuk dijual ke luar negara terutamanya peralatan yang dibangunkan daripada hasil kepakaran teknologi Russia. Selain itu, eksport senjata negara AS dan Russia juga mengalami penurunan sejak tahun 1994, namun eksport China telah menunjukkan peningkatan sehingga menimbulkan perhatian dunia melalui penyebaran senjata dan pembekal nuklear antarabangsa.

Pada peringkat awal, China dikatakan tidak menunjuk minat yang tinggi terhadap pembangunan tenaga atom. Malahan para pemimpin tertinggi tentera tersebut seperti Mao Tze Tung dan beberapa orang pemimpin tertinggi lain menyatakan bahawa nuklear bukan segala-galannya dalam mencipta keamanan negara. Walau bagaimanapun, pandangan ini berubah kerana dipengaruhi oleh keadaan perimbangan kuasa yang berlaku pada awal Perang Dingin. Dalam hal ini, China berpendapat bahawa jika ia tidak melakukan sesuatu maka kuasa komunis akan dipandang rendah dalam era pertentangan ideologi yang berlaku pada masa itu.

Kesemua usaha yang dijalankan oleh China dalam pembangunan senjata nuklear merupakan satu bentuk penyebaran nuklear secara menegak (*vertical proliferation*). Ia merupakan satu ancaman yang amat besar kepada dunia terutamanya kepada rantau Asia Pasifik. Lebih buruk lagi, apabila China juga dikatakan turut terlibat dalam pembangunan senjata nuklear di beberapa negara lain. China menyumbang kepada

ancaman keselamatan antarabangsa kerana ia membekalkan teknologi dan senjata nuklear kepada Pakistan dan teknologi penghasilan senjata kepada negara Iran dan Algeria. China turut membekalkan CSS-2-IRBM kepada Arab Saudi, Silkworm (*missile* antikapal) kepada Iran dan Iraq, teknologi peluru berpandu kepada Pakistan, Iran dan beberapa negara lain. Bukan setakat itu, China turut membangunkan SRBM jenis M-9 dan M-11 yang mana Pakistan, Syria dan Iran dikatakan berminat membeli senjata-senjata tersebut untuk tempoh masa yang panjang (Ramli & Nasrudin 46-47: 2006).

Ancaman China Kepada Amerika Syarikat

Menurut akhbar *The Guardian* yang ditulis oleh John Gray dan Martin Jacques bertajuk *China and the End of Westernisation* (2009) menegaskan bahawa kebangkitan China bukan sahaja mengubah geopolitik global, bahkan juga mengubah cara dunia berfikir. Meskipun semakin diakui bahawa kebangkitan ekonomi China akan mengubah politik dunia namun kesan yang paling dalam adalah dalam ekonomi global. Jika abad ke-19, pengaruh dunia dikuasai oleh Empayar British, abad ke-20 dikuasai oleh Amerika Syarikat, kini kita memasuki abad Asia yang dikuasai oleh kebangkitan China dan mata wangnya. Menurut ahli ekonomi, Nouriel Roubini (2009) dalam *The Almighty Renminbi?* menyatakan kemungkinan status dolar sebagai mata wang rizab utama akan lenyap tidak lama lagi. Ini kerana dolar mungkin dicabar oleh mata wang lain iaitu renminbi¹ China.

Keadaan ini merupakan beban yang serius terhadap Amerika dan cabaran kepada keupayaan negara itu untuk membiayai belanjawan dan defisit perdagangan yang akan hilang. Tatkala negara ekonomi utama seperti Amerika, Jepun, Jerman, dan United Kingdom mengalami kemelesetan pada tahun 2009 dengan KDNK dunia diunjurkan menguncup 2.9 %, ekonomi China pula diunjurkan tumbuh sebanyak 7.7 %. Menurut Goldman (2010), ekonomi China akan mengatasi Amerika pada tahun 2027. Kebangkitan China bersama-sama India khususnya, akan melabuhkan tirai zaman kekuasaan barat yang bermula kira-kira tahun 1800 yang lalu. Sebagai ganti universalisme barat, masyarakat dunia akan merasakan suasana hidup dalam budaya bukan barat dan China akan muncul sebagai pengaruh utama.

¹ Renminbi merupakan mata wang Republik Rakyat China. Dalam bahasa Cina, Renminbi bermaksud duit rakyat. Nama penuh bagi Renminbi ialah Syiling Bank Rakyat China. Renminbi pernah disandarkan pada nilai 8.28 dolar Amerika Syarikat selama sebelas tahun hingga 21 Julai 2005. Perkara ini menimbulkan kecaman daripada Amerika Syarikat kerana Renminbi ini dilakukan untuk mengekalkan harga barangan keluaran China agar kekal murah di pasaran antarabangsa (*China Daily* 2006, 29 September).

Kebangkitan China sebagai kuasa ekonomi yang berkemungkinan mengancam negara lain semakin mendapat perhatian, terutamanya ketika berlakunya krisis kewangan global dan dunia terjebak dalam kemelesetan.

Namun, begitu dijangkakan bahawa pertumbuhan ekonomi China yang dramatik serta dengan peningkatan pengaruh geopolitik negara itu akan membentuk ancaman ekonomi, ketenteraan, dan budaya terhadap Barat dan bukannya negara-negara rantau Asia Pasifik. China akan muncul sebagai hegemoni baru dunia pada masa akan datang dan akan menandingi kuasa Amerika Syarikat sebagai kuasa tunggal dunia. *The Rise of China and the Demise of the Capitalist World Economy* (Monthly Review Press: 2008) menyatakan kuasa ekonomi China yang semakin meningkat akan memberi impak terhadap sistem kapitalis global dan dunia barat.

Analisis Ancaman China Terhadap Rantau Asia Pasifik

Kebangkitan China dan kekuasaan tunggal Amerika Syarikat dipersepsi sebagai ancaman dalam bentuk dan aktiviti yang berbeza. Oleh itu, strategi yang diambil untuk melangsungkan hubungan dengan kedua-dua kuasa ini juga berbeza. China dipersepsi sebagai ancaman yang tidak ketara dengan tingkah laku dan dasar luar yang tidak memaksa, sementara AS dilihat sebagai ancaman yang nyata dengan tingkah laku dan orientasi dasar luar yang lebih keras sama ada menyertainya atau dianggap musuh khususnya dalam orientasi strategik.

ASEAN mempersepsikan China sebagai satu kuasa yang mencari hegemoni di rantau ini dan bercita-cita untuk menjadi sebuah kuasa besar (*great power*). Cita-cita ini telah diterjemahkan oleh China dengan usaha-usaha pemodenan tentera dan persenjataannya secara besar-besaran. Misalnya, China sejak awal lagi telah membeli senjata tinggalan zaman Perang Dingin dari Russia dengan banyaknya seperti kapal selam, peluru berpandu, pesawat pejuang dan kereta-kereta kebal. Usaha-usaha ini tidak menjadi halangan bagi China kerana negara tersebut mempunyai kekuatan ekonomi yang kukuh iaitu dengan mencatatkan pertumbuhan ekonomi melebihi 10 % sejak dua puluh tahun lalu. Kemakmuran ekonomi China dan usaha-usaha pemodenan China ini telah menimbulkan dilema keselamatan serta dipersepsikan sebagai suatu bentuk ancaman kepada negara-negara di rantau Asia Pasifik termasuk blok ASEAN. Tambahan pula, China telah banyak berbelanja ke atas aspek persenjataan melebihi daripada keperluannya sendiri sebagai usaha 'mengumpul stok senjata' yang boleh digunakan untuk tujuan ketenteraan ke atas negara lain, khususnya negara-negara yang berkonflik dengan China seperti

Taiwan dan negara-negara Asia Tenggara dalam isu pertikaian kepulauan Spratlys di Laut China Selatan.

Walau bagaimanapun, sehingga kini China tidak menunjukkan minat untuk berbincang atau menyelesaikan pertikaian kepulauan tersebut dengan negara-negara ASEAN yang terlibat. Dalam hal ini, negara Malaysia telah memindahkan beban yang ditanggung di atas pertikaiannya dengan China kepada pertubuhan ASEAN. Tambahan pula, terdapat juga beberapa negara lain dalam ASEAN yang menghadapi isu yang sama. Maka sebarang keputusan yang dibuat oleh China berkenaan pertikaian tersebut akan sama-sama dihadapi oleh ASEAN pada masa hadapan. Begitu juga aspek pemodenan ketenteraan dan persenjataan China, dilema keselamatan yang dihadapi oleh ASEAN dikongsi dengan negara-negara lain di rantau Asia Pasifik. Justeru, minat yang ditunjukkan oleh China untuk menghadiri menyuarat ASEAN dilihat sebagai jalan mengendurkan dilema tersebut. Seterusnya mempunyai peluang rundingan yang lebih baik dengan China, walaupun sehingga kini masalah ini hanya didahului dengan perbincangan ekonomi dan kerjasama serantau namun hubungan perdagangan ASEAN-China memperlihatkan keadaan yang positif dan mengurangkan tindakan agresif China ke atas negara-negara anggota ASEAN demi menjaga kepentingan ekonomi yang memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak tersebut.

Selain itu, dalam aspek pertumbuhan ekonomi dan kesan terhadap alam sekitar, China perlu lebih peka dan menekankan pemulihan dan penjagaan alam sekitar. Didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang kuat, permintaan tenaga dari China telah berlaku dengan banyak. China adalah pelanggan tenaga terbesar dunia dan pelanggan ketiga terbesar bagi pengimport minyak mentah di dunia, selepas Amerika Syarikat dan Jepun. China juga pengeluar tenaga kedua terbesar di dunia, selepas Amerika Syarikat. Penggunaan tenaga bagi negara China dijangka akan tumbuh lebih daripada 4% pada tahun 2030 kerana faktor kemajuan ekonomi dan perindustrian. Arang batu merupakan bahan tenaga utama perindustrian China sekitar 70% (2008), China adalah pengeluar dan pelanggan terbesar arang batu di dunia. Demikian itu, untuk kelangsungan pertumbuhan perindustrian China, maka permintaan terhadap arang batu akan terus meningkat naik secara signifikan. Penggunaan arang batu dan kebergantungan China terhadap arang batu akan terus meningkat, justeru China telah muncul sebagai penyumbang terbesar di dunia terhadap pencemaran udara seperti pencemaran gas rumah hijau, hujan asid dan gas karbon dioksida.

Kesimpulan

Kebangkitan kuasa China dalam ekonomi, politik dan ketenteraan sememangnya ditakuti oleh kebanyakan negara terutamanya Amerika Syarikat kerana China mampu menamatkan pengaruh Amerika Syarikat di rantau Asia Pasifik kelak. Kebangkitan kuasa China dalam ekonomi global memberi ancaman kepada ekonomi dan pasaran lokal negara-negara Asia Pasifik khususnya ASEAN. Namun dari aspek keselamatan, keupayaan dan pemodenan ketenteraan China ini lebih terserlah memberi ancaman kepada negara Asia Timur terutamanya Taiwan. China mempunyai segala kekuatan ekonomi seperti modal, sumber tenaga, kawasan perdagangan antarabangsa, harga barangan murah, penggunaan teknologi tinggi, tenaga kepakaran, kekuatan ketenteraan serta buruh yang murah telah membuatkan negara-negara serantau dicabar oleh kuasa China dan tidak mampu bersaing dengannya.

Selain itu, China dan negara-negara Asia Pasifik tidak mempromosikan integrasi ekonomi di peringkat serantau dan menyelaraskan rangkaian pengeluaran produk dengan lebih cekap, maka struktur eskport yang hampir sama dikhuatiri akan menjejaskan hubungan bilateral antara China dan serantau. Isu politik juga turut akan menjejaskan hubungan politik dua hala, contohnya isu pertindihan wilayah di sempadan dan tuntutan kepulauan di Laut China Selatan, isu Taiwan, serta masalah yang timbul dari perjanjian serantau seperti ACFTA. Bagi negara-negara Asia Timur seperti Jepun, Taiwan dan Korea mereka menganggap China sebagai ancaman keselamatan bagi negara masing-masing. Negara Asia Timur adalah terdiri daripada negara yang maju dari aspek ekonomi global dan maju dalam teknologi, ketenteraan, nuklear dan mempunyai pengaruh perdagangan di rantau Asia Pasifik. Justeru, isu ekonomi dan tuntutan pertikaian wilayah serta kepulauan pula, dilihat menjadi perdebatan bagi Asia Tenggara.

Tidak dinafikan rantau Asia Pasifik mempunyai pelbagai ancaman keselamatan antara negara. Maka, negara-negara serantau seharusnya menerima China dengan hati yang terbuka supaya konflik dapat dielakkan sekaligus dapat terus menikmati peluang-peluang ekonomi serta kelebihan yang ditawarkan oleh China dalam aspek ekonomi dan keselamatan.

Rujukan

- Fernando Octavio Hernandez Sanchez. 2011. Seminar UKM: The Impact of China's Rise on Southeast Asia Economies. Bangi: UKM IKON.
- Goldstein, J. S. (2005). *International relations sixth edition*. United State: Pearson Longman.
- Shenkar, O. 2006. *The chinese century: the rising Chinese economy and its impact on the global*

- economy, the balance of power, and your job*. New Jersey: Wharton School Publishing.
- Kornberg, F.J, Faust, R.J. 2005. *China world politics:policies, processes, prospects*.Ed. Ke-2. United States of America: Lynne Rienner Publisher, Inc.
- Hookway, J. Now it's hip to be Chinese. *Wall Street Journal*. Dlm. Kornberg, F.J, Faust, R.J. 2005. *China world politics:policies, processes, prospects*. Hlm. 159. Ed. Ke-2. United States of America: Lynne Rienner Publisher, Inc.
- Ku, S.C.Y. 2006. China's changing political economy with Malaysia: a regional perspective. Dlm. Yeoh, E.K.K, Hou, Kok Chong. (pnyt.). *China and Malaysia in a globalizing world: bilateral relations, regional imperatives and domestic challenges*. Kuala Lumpur: Institute of China Studies, University of Malaya.
- Enderwick, P. 2007. *Understanding emerging markets: China and India*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Rusdi Omar & Mohd Ainuddin. 2006. *China dan Politik Asia Timur*. Singapore: Thomson Learning (a division of Thomson Asia Pte. Ltd).
- Sity Daud & Zarina Othman. 2005. *Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Posen, B. (1993). The *Security Dilemma* and *Ethnic Conflict* Behavior, *Survival*, vol 35, no.1, 27-47: Fearon, J.D. Ethnic war as a commitment problem. Paper for Annual Meeting of American Political Science Association, 1994. Publishing Limited.
- David Zweig. 2008. *China and the world economy: the rise of a new trading nation*. Hong Kong: University of Science and Technology.
- Enderwick, P. 2007. *Understanding emerging markets: China and India*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Kornberg, F.J, Faust, R.J. 2005. *China world politics:policies, processes, prospects*.Ed. Ke-2. United States of America: Lynne Rienner Publisher, Inc.
- Zhao & Quansheng 2000. China and Major Power Relation in East Asia. *Journal of Contemporary China*. Vol 10(29). Hal: 664.
- Annual Report Military 2008. 2008. The military power of Republic of China 2008. United States: Department of Defence, Office of Secretary of Defence United States.
- A Survey of the World Economy - The Dragon and the Eagle', *The Economist*, 2 October 2004. Hlm. 4. [2 Februari 2011].
- Central Intelligence Agency: The World Factbook China [19 Ogos 2010].
- China Annual Military Report (2009). [19 Mac 2011].
- Chinese Government's Official Web Portal: China's National Defense in 2010. [7 November 2010].
- China daily: *China's defense budget to grow 14.9% in 2009*.http://www.chinadaily.com.cn/china/2009-03/04/content_7535244.htm [28 Ogos 2010].
- China Defence White Paper <http://www.china-defense-mashup.com/tag/defense-white-paper>[11 April 2011].
- Chinese Government's Official Web Portal: China's National Defense in 2010. http://www.gov.cn/english/official/2011-03/31/content_1835499_4.htm [11 April 2011].
- China military overview. <http://www.sinodefence.com/overview/default.asp> [29 Ogos 2010].
- Rising FDI into China: the fact behind the numbers <http://www.unctad.org/Templates/Page.asp?intltemID=3336&lang=1> [29 Ogos 2010].